



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 13, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-8883 2509
Faks :603-8888 6188
Emel : kkm@moh.gov.my

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA**

KENYATAAN AKHBAR

**RESIDU DADAH VETERINAR TERLARANG DALAM UDANG YANG DIEKSPORT KE
AMERIKA SYARIKAT DARI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum mengenai import alert oleh pihak *US Food and Drug Administration* (USFDA) yang menyatakan bahawa residu dadah veterinar terlarang telah dikesan dalam 45 daripada 138 sampel udang yang dieksport ke Amerika Syarikat dari Semenanjung Malaysia dalam tempoh 1 Oktober 2014 hingga 30 September 2015.

Import alert tersebut menyatakan bahawa semua konsainan udang dari Semenanjung Malaysia yang dieksport ke Amerika Syarikat telah dikenakan tindakan penahanan tanpa pemeriksaan fizikal (*Detention Without Physical Examination*) bermula 18 April 2016.

Dalam hal ini, menurut USFDA, import alert ini hanya dikenakan ke atas Semenanjung Malaysia dan bukannya ke atas keseluruhan negara Malaysia (*country wide detention without physical examination*) memandangkan kebanyakan penolakan konsainan udang adalah dari Semenanjung Malaysia dalam tempoh yang dinyatakan. Justeru, import alert ini tidak melibatkan udang yang dieksport ke Amerika Syarikat dari Sabah dan Sarawak.

KKM memandang serius import alert tersebut yang dikeluarkan oleh USFDA dan sedang bekerjasama dengan pihak USFDA dalam menangani isu tersebut. Sebelum ini pada bulan Mei 2015, KKM telah menerima maklumat terdapat isu peningkatan penolakan udang yang dieksport ke Amerika Syarikat disebabkan pencemaran residu dadah veterinar terlarang dari USFDA. KKM telah mengambil tindakan segera bagi menangani isu ini. KKM dengan kerjasama agensi dan industri terlibat telah melaksanakan satu sistem kawalan keselamatan makanan di sepanjang rantai pengeluaran udang yang dieksport ke Amerika Syarikat. Ini termasuk meningkatkan kawalan import bahan mentah, pendaftaran ladang akuakultur, keperluan Sijil Kesihatan, mengawalselia *middlemen* dan *traders* serta verifikasi di pintu keluar bagi memastikan udang yang dieksport mematuhi keperluan yang ditetapkan dan bebas daripada pencemaran residu dadah veterinar terlarang. Kawalan kebolehesanan (*traceability*) dipertingkatkan bagi memastikan pematuhan di sepanjang rantai pengeluaran udang.

Sistem kawalan ini telah dilaksanakan sepenuhnya bermula pada September 2015. KKM telah membentangkan dan membincangkan pelaksanaan sistem kawalan keselamatan makanan ini melalui beberapa mesyuarat bersama pihak USFDA sejak bulan Jun 2015. Dalam hal ini, KKM akan terus bekerjasama rapat dengan pihak USFDA.

Hasil daripada pelaksanaan sistem kawalan ini, Malaysia telah berjaya mengurangkan penolakan udang yang dieksport ke Amerika Syarikat dengan hanya dua (2) penolakan pada bulan September 2015 berbanding 66 penolakan pada bulan Ogos 2015. Ini menunjukkan keberkesanan sistem kawalan keselamatan makanan yang telah dilaksanakan.

Di Malaysia, dadah veterinar tersebut adalah tidak dibenarkan dalam makanan di bawah Akta Makanan 1983. Seksyen 13, Akta Makanan 1983 memperuntukkan bahawa mana-mana pihak yang mengimport, mengedar, menyimpan atau menjual makanan yang ada dalam atau padanya apa-apa bahan yang beracun, merosakkan atau selainnya memudaratkan kesihatan termasuk residu dadah veterinar terlarang adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

KKM telah meningkatkan pemantauan terhadap residu dadah veterinar terlarang dalam udang di pintu masuk. Hasil pemantauan ini mendapati satu (1) konsainan udang dikesan mengandungi residu dadah veterinar terlarang. Selain itu, KKM turut meningkatkan pemantauan terhadap residu dadah veterinar terlarang dalam udang di pasaran tempatan. Hasil pemantauan sehingga kini, menunjukkan residu dadah veterinar terlarang tidak dikesan.

Sehubungan itu, orang ramai tidak perlu kluatir kerana KKM sentiasa menjalankan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan ke atas isu-isu berhubung keselamatan makanan bagi memastikan kesihatan orang ramai terjamin. Sekiranya orang ramai mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, sila hubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melalui laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau facebook Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) www.facebook.com/bkkmhq.

DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM

Menteri Kesihatan Malaysia

23 April 2016